

TAHAP LITERASI GURU TERHADAP PENDEKATAN DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Mahaya Salleh
Azizah Sarkowi
Mohd Fairuz Jafar, Zakaria Mohd Arif
Hariyanti Abd Hamid
mahaya@ipda.edu.my

IPG Kampus Darulaman, 06000 Jitra,
Kedah, Malaysia

ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu konsep pentaksiran yang mengutamakan peperiksaan formatif. Pendekatan utama dalam PBD ialah pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran, berbanding pentaksiran sumatif yang menggunakan pendekatan pentaksiran tentang pembelajaran. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap tiga pendekatan ini. Kajian secara keratan rentas berbantuan soal-selidik dalam talian telah dilaksanakan terhadap 500 orang guru di negeri Kedah. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada *Approaches to Classroom Assessment Inventory* (ACAI; DeLuca et al. 2016) yang mengandungi empat senario pentaksiran. Data dianalisis secara deskriptif dalam bentuk bilangan dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan majoriti guru mengutamakan pendekatan yang bertepatan dengan konsep pentaksiran bilik darjah. Sebanyak 32.5% hingga 68.3% responden menggunakan pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran, manakala 24.8 % hingga 46.9% responden pula menggunakan pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan guru telah mempunyai kefahaman tentang pelaksanaan PBD.

Kata kunci : *Pentaksiran bilik darjah, Pentaksiran tentang pembelajaran, Pentaksiran untuk pembelajaran, Pentaksiran sebagai pembelajaran*

1.0 PENDAHULUAN

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan satu transformasi semasa dalam landskap pentaksiran pendidikan negara. Pendekatan utama dalam PBD ialah pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran, berbanding pentaksiran sumatif yang menggunakan pendekatan pentaksiran tentang pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan PBD selaras dengan perubahan dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) pada tahun 2017 untuk sekolah menengah dan 2018 untuk sekolah rendah (KPM, 2018).

Dalam pelaksanaan PBD, pentaksiran formatif yang digunakan memberi penekanan utama kepada pentaksiran untuk pembelajaran dan sebagai pembelajaran secara berterusan untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid bagi membina potensi diri secara lebih menyeluruh serta bersifat autentik (KPM, 2018). Pendekatan pentaksiran formatif yang tepat adalah penting untuk membantu murid menguasai perkara yang diajar, memberi peluang

mereka berkomunikasi, mempamerkan kefahaman serta memenuhi keperluan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka (Black & William 1998) dan berupaya memberi maklumat kepada murid berkaitan tahap pembelajaran semasa, arah meningkatkan pencapaian serta status pencapaian berbanding objektif pembelajaran (Chappuis & Chappuis, 2008).

Justeru, literasi pentaksiran guru penting dalam era naratif baharu amalan pendidikan yang memberi fokus kepada PBD. Perubahan pedagogi daripada pembelajaran berorientasikan peperiksaan kepada berorientasikan perkembangan memerlukan guru yang kompeten untuk mentaksir penguasaan kemahiran, peningkatan prestasi, pembentukan watak dan sahsiah pelajar. Konsep literasi pentaksiran merujuk kepada kompetensi berasaskan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pentaksiran (Brookhart, 2011; Mertler, 2005; Popham, 2013) yang meliputi pengetahuan mengenai konsep, prinsip, fakta (knowing what) serta pengetahuan prosedural iaitu aplikasi pengetahuan kepada amalan (knowing how) (Chen Jiamu, 2001). Namun, guru menghadapi cabaran yang signifikan dalam mengintegrasikan pendekatan baru untuk pentaksiran supaya sejajar dengan mandat semasa dan teori-teori penilaian (Bennett, 2011; DeLuca & Klinger, 2010).

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam PBD berdasarkan empat senario yang diberikan. Guru yang kompeten pentaksiran dapat merancang strategi pengajaran dengan berkesan selain mampu meningkatkan motivasi pelajar (Stiggins, 1997; Brookhart, 2011). Sebaliknya, kekurangan pengetahuan pentaksiran menyebabkan guru gagal memantau kemajuan pembelajaran murid (Gallagher, 1998), tidak dapat menghasilkan keputusan yang adil (Gronlund & Linn, 1990; Hills, 1991; Stiggins, 2001), perancangan pengajaran yang lemah (Stiggins, 1991; Brookhart, 1999) dan tidak dapat mencungkil potensi sebenar pelajar (Stiggins, 1995; Airasian, 2000; Stiggins, 2001). Pelaporan guru kepada ibu bapa dan pelajar dibuat secara tidak tepat (Plake, 1993) mengakibatkan timbul isu ketidakpercayaan (McKenna, 1977) dan keraguan (Herman & Golan, 1993). Seterusnya, kualiti pentaksiran dipersoalkan oleh pelbagai pihak disebabkan akauntabiliti pentaksiran gagal dilaksanakan sepenuhnya (Stiggins, 2001; Mertler, 2005).

2.0 LATAR BELAKANG / PENYATAAN MASALAH

PBD berasal daripada Pentaksiran Sekolah yang terkandung di dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Sekolah menengah menerima perubahan lebih awal mulai tahun 2017, manakala untuk sekolah rendah hanya bermula pada tahun 2018 dengan pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid-murid Tahap 1 di semua sekolah rendah di bawah KPM. Era pentaksiran murid telah berubah daripada berorientasikan peperiksaan kepada perkembangan potensi daripada aspek kebolehan, penguasaan, kemajuan dan pencapaian yang dapat membina karakter dan sahsiah murid melalui pembelajaran yang bermakna (KPM, 2018). Literasi pentaksiran guru penting dalam PBD kerana melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP.

Pentaksiran dalam PBD bukan bertujuan untuk membandingkan pencapaian seorang murid dengan murid yang lain tetapi kegunaannya lebih kepada untuk membantu pihak sekolah dan ibu bapa untuk merancang tindakan susulan ke arah menambah baik penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran (KPM, 2018). Fokus adalah lebih kepada pentaksiran sebagai pembelajaran dan pentaksiran untuk pembelajaran. PBD melibatkan Pentaksiran Untuk Pembelajaran, Pentaksiran Sebagai Pembelajaran dan Pentaksiran Tentang Pembelajaran seperti dalam Rajah 1.

Pentaksiran untuk Pembelajaran merupakan pentaksiran formatif yang berlaku dalam proses PdP. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan

pembelajaran murid dan tahap penguasaan mereka. Berdasarkan tujuan ini, pentaksiran juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik (KPM, 2018).

Pentaksiran sebagai pembelajaran berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Ini membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Pentaksiran sebagai pembelajaran terdiri daripada pentaksiran sendiri dan pentaksiran rakan sebaya. Maklumat dari pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran.

Pentaksiran tentang pembelajaran berlaku pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Lazimnya pentaksiran tersebut berlaku dalam bentuk ujian sumatif. Pentaksiran tentang pembelajaran juga boleh berlaku dalam bentuk pembentangan hasil projek. Maklumat dan data yang diperoleh dari ujian sumatif atau pentaksiran tentang pembelajaran ini seharusnya ditangani secara positif dalam proses pembelajaran murid.



Rajah 1: Pentaksiran Formatif dan Sumatif (KPM, 2018)

2.1 Penyataan Masalah

Pelaksanaan PBD bukanlah sesuatu perkara baru di dalam pentaksiran pendidikan di sekolah. Guru-guru telah terdedah kepada PBD semasa melaksanakan Pentaksiran Sekolah yang dimuatkan di dalam PBS. Persoalannya, sejauh mana guru-guru telah memiliki kompetensi PBD dan meninggalkan pentaksiran tradisional yang berorientasikan peperiksaan?

Dalam konteks ini, cabaran utama adalah untuk menyediakan guru-guru dengan keupayaan dan pengetahuan untuk mengambil tanggungjawab profesional ini. Bukti dari kajian terdahulu telah menunjukkan kepada kita bahawa sekadar mempelajari prinsip penilaian reka bentuk dan membangunkan kemahiran penilaian teknikal tidak memberi pendidik kebolehan membuktikan akauntabiliti di bilik darjah. Hal ini kerana sentiasa sahaja wujud jurang bagaimana pengetahuan diterjemahkan ke dalam praktis, dan bagaimana pengetahuan penilaian dihadapi dalam mengimbangi keutamaan bilik darjah yang lain.

Hasil tinjauan literatur menunjukkan bahawa kesedaran semakin meningkat tentang literasi pentaksiran yang bukan semata-mata tentang kemahiran guru dan ilmu pengetahuan,

tetapi juga dan mungkin lebih penting lagi tentang bagaimana guru mengkonsepsikan penilaian; memahami hubungannya dengan konteks pengajaran, pedagogi, dan pembelajaran; mempertimbangkan keutamaan pentaksiran berkaitan dengan niat belajar dan kepelbagaian murid; dan bagaimana seorang guru berfikir melalui pengalaman pentaksiran yang lebih baik, lebih kongruen dengan kepercayaan mereka dan teori pentaksiran (Looney et al 2017; Willis et al., 2013).

Tinjauan literatur juga mendapati sebahagian besar guru tidak menggunakan sepenuhnya maklumat daripada pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah untuk memantau pembelajaran pelajar, menilai keberkesanan pelbagai kaedah pengajaran guru dan sebagai panduan membuat keputusan-keputusan berkenaan pengajaran. Justeru pendekatan terhadap PBD yang diambil tidak tepat dan tidak membantu perkembangan individu murid. Implikasi daripada budaya ini, murid yang lemah akan terus tertinggal atau terus diketepikan, kelemahan pengajaran guru tidak diperbaiki dan guru lebih cenderung untuk meletakkan kesalahan pada bahu pelajar semata-mata apabila keputusan peperiksaan kurang memuaskan. Kajian oleh Isaacson (1999) dan Abu Bakar Nordin (1986) telah membuktikan keadaan ini. Oleh itu, semakan semula status ini dilaksanakan melalui kajian ini untuk meneroka pendekatan yang digunakan oleh guru-guru sama ada memenuhi tujuan pentaksiran untuk pembelajaran, sebagai pembelajaran dan tentang pembelajaran. Kajian seumpama ini masih kurang dilaksanakan di Malaysia terutama dalam aspek pentaksiran bilik darjah (PBD).

2.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil tahap literasi guru dalam memilih pendekatan pentaksiran bilik darjah berdasarkan empat senario yang dikemukakan. Secara spesifiknya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji profil tahap kecenderungan pendekatan pentaksiran guru terhadap pentaksiran untuk pembelajaran, sebagai pembelajaran atau tentang pembelajaran berdasarkan empat senario berikut;

i. SENARIO 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan ada lakukan?

ii. SENARIO 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan ada lakukan?

iii. SENARIO 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?

iv. SENARIO 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang akan anda beritahu kepada waris tersebut?

2.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian dikemukakan seperti berikut:

1. Apakah tahap kecenderungan pendekatan pentaksiran guru terhadap pentaksiran untuk pembelajaran, sebagai pembelajaran atau tentang pembelajaran berdasarkan empat senario berikut;

i. SENARIO 1: Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan ada lakukan?

ii. SENARIO 2: Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan ada lakukan?

iii. SENARIO 3: Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?

iv. SENARIO 4: Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang akan anda beritahu kepada waris tersebut?

3.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan tentang kajian literatur mengikut elemen utama dalam kajian ini iaitu PBD, literasi pentaksiran guru dan pendekatan pentaksiran.

3.1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Kajian lepas tentang PBD tidak banyak dijalankan di Malaysia. Kebanyakan kajian bertumpu kepada PBS seperti kajian oleh Zamri et al. 2010, Aniza 2014, Noraini & Zamri 2016, Norzaiton & Jamaludin, 2016. Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2019) mengkaji tentang kesediaan guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD daripada segi pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru.

Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD Bahasa Melayu adalah tinggi. Rumusan keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa semua aspek yang dikaji iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan PBD adalah pada tahap yang tinggi.

PBD menekankan kepada tujuan pentaksiran sebagai, untuk dan tentang pembelajaran (KPM, 2018). Guru melaksanakan pentaksiran secara berterusan dalam PdP dengan menggunakan kaedah (i) lisan, (ii) bertulis dan (iii) pemerhatian (KPM, 2018). Pelaksanaan PBD bertujuan untuk menggantikan peperiksaan supaya perkembangan pelajar boleh ditaksir dengan lebih holistik.

3.2 Literasi Pentaksiran Guru

Penyelidikan mengenai bagaimana guru membangunkan literasi pentaksiran menunjukkan bahawa mereka terlebih dahulu membangunkan konsep pentaksiran sepanjang pengalaman mereka sebagai pelajar (Lortie 1975; Pajares 1992), kemudian sebagai calon guru (Bachor dan Baer 2001; Volante dan Fazio 2007), dan akhirnya apabila mereka terlibat dalam kerjaya profesional sebagai guru di bilik darjah (Klinger et al, 2012; Newmann et al 1995).

Kajian yang dijalankan oleh Rohaya Talib dan Mohd Najib Abdul Ghafar (2008) mengkonsepsikan literasi pentaksiran sebagai kompetensi pengetahuan guru dalam bidang pentaksiran. Berasaskan pengetahuan, guru dapat mengamalkan prinsip, tatacara, strategi dan kaedah pentaksiran yang sesuai bagi membantu proses pembelajaran seterusnya membuat keputusan yang tepat dan adil mengenai pelajar, kurikulum dan program pendidikan secara keseluruhan.

Para pengkaji menekankan bahawa guru-guru memerlukan sokongan berterusan sama ada secara tidak langsung di bilik darjah atau melalui struktur pembelajaran profesional untuk membolehkan mereka menguasai perspektif yang betul terhadap pentaksiran (Lee & Willian, 2005; Mertler, 2009).

3.3 Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah

Berdasarkan kajian, pelbagai tujuan pentaksiran bilik darjah telah diartikulasikan secara berlainan merentas tipologi (contohnya diagnostik-formatif-summatif, pentaksiran untuk, sebagai, dan tentang pembelajaran, penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran, akauntabiliti sekolah, dan akauntabiliti pelajar) sering berada dalam keadaan yang tidak

konsisten (Bennett, 2011 ; Newton, 2007; Swaffield, 2011). Keadaan ini menghalang perkembangan amalan pentaksiran yang baik. Sehubungan dengan itu, wujud pelbagai pendekatan pentaksiran yang kini sedang beroperasi di dalam bilik darjah untuk mengukur dan menyokong pembelajaran pelajar.

Dalam usaha untuk melanjutkan penyelidikan tentang bagaimana guru mengkonseptualisasikan tujuan pentaksiran pendidikan, satu instrumen telah dibangunkan dan ditadbir untuk menganalisis pendekatan pentaksiran bilik darjah melalui Inventori Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah (Approaches to Classroom Assessment Inventory; ACAI)(DeLuca, LaPointe-McEwan, & Luhanga, 2016a, 2016b). ACAI membolehkan pendekatan guru untuk pentaksiran diukur berdasarkan empat tema literasi pentaksiran: (a) Tujuan Pentaksiran, (b) Proses Penilaian, (c) Keadilan Pentaksiran dan (d) Teori Pengukuran.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk kajian tinjauan merupakan langkah-langkah dalam kajian kuantitatif di mana pengkaji melakukan tinjauan ke atas sampel dan populasi (Creswell, 2008).

4.2 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 500 orang guru yang dipilih secara rawak di tiga daerah di negeri Kedah iaitu Kuala Muda/Yan, Pendang dan Kubang Pasu. Sampel diandaikan homogenous kerana telah menerima pendedahan tentang maklumat dan pendedahan tentang pentaksiran bilik darjah (PBD).

4.3 Instrumen Kajian, Pengumpulan Data dan Analisis Data

Kajian ini mengadaptasi instrumen ACAI (Approaches to Classroom Assessment Inventory) atau Inventori Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah oleh DeLuca, LaPointe-McEwan, & Luhanga, 2016a, 2016b). ACAI membolehkan pendekatan guru untuk pentaksiran diukur mengikut tujuan pentaksiran berdasarkan empat senario yang diberikan. Bagi setiap senario, guru-guru diberi tiga pilihan pendekatan yang berbeza sesuai dengan tema literasi pentaksiran iaitu tujuan pentaksiran sama ada pentaksiran untuk pembelajaran, sebagai dan tentang pembelajaran seperti dalam Jadual 1 dan 2. Instrumen ditadbir kepada 500 orang guru secara atas talian dalam bentuk *google form* di tiga daerah di negeri Kedah. Data dianalisis menggunakan MS Excel dalam bentuk frekuensi, peratus dan graf.

Jadual 1.0: Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah Senario 1

Senario	Pendekatan Pentaksiran	Pilihan jawapan
Senario 1 Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid.	Pentaksiran tentang pembelajaran	Merekodkan gred ujian tersebut sebagai pentaksiran sumatif bagi unit tersebut tetapi menurunkan wajaran ujian tersebut dalam markah keseluruhan.
Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian	Pentaksiran untuk pembelajaran	Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh

tersebut. Apakah yang akan ada lakukan?	murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semula tajuk tersebut
Pentaksiran sebagai pembelajaran	Minta murid untuk membuat refleksi tentang persediaan untuk menduduki ujian, menganalisis jawapan ujian murid dan membuat pelan pembelajaran individu kepada murid tersebut. Kemudian, uji semula topik tersebut.

ACAI diadaptasi daripada DeLuca, LaPointe-McEwan, & Luhanga, 2016a, 2016b)

Jadual 2.0: Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah Senario 2, 3 dan 4

Senario	Pendekatan Pentaksiran	Pilihan jawapan
SENARIO 2 : Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan ada lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Melaksanakan peraturan sekolah berkaitan plagiat atau peniruan
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Menunjukkan bahagian yang di plagiat kepada murid dan meminta mereka menulis semula dengan menggunakan perkataan sendiri. Sebagai guru, anda membuat refleksi tentang kaedah pengajaran yang anda perlu laksanakan pada masa hadapan.
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Anda bertanya murid tentang bagaimana dia memperoleh teks tersebut dan apakah yang murid tersebut akan lakukan agar tidak mengulangi kejadian itu. Minta murid menulis perancangan mereka untuk membuat semula tugas tersebut.
SENARIO 3 : Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Mulakan dengan pentaksiran sumatif di akhir pengajaran dan merancang secara backward untuk membina rancangan pengajaran.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Mereka bentuk pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gunakan maklumat daripada pentaksiran ini untuk merekabentuk aktiviti pengajaran dan tugas pentaksiran sumatif.

	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Mengkaji semula standard prestasi dalam dokumen kurikulum dan meminta setiap pelajar untuk membina pengalaman pembelajaran dan pentaksiran mereka bagi topik tersebut secara individu.
SENARIO 4 : Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang akan beritahu kepada waris tersebut?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Ujian setara penting bagi mengukur sejauh mana sistem persekolahan berkesan bagi semua murid dan keputusan tersebut membolehkan pihak sekolah menentukan penambahbaikan yang perlu diberi kepada kelas tersebut.
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Ujian setara dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran dan dapat membimbing pengajaran dan pembelajaran
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Ujian setara dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan strategi pembelajaran, kemahiran persediaan untuk menghadapi ujian dan matlamat pembelajaran mereka.

ACAI diadaptasi daripada DeLuca, LaPointe-McEwan, & Luhanga, 2016a, 2016b)

5.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan maklumat demografi, responden kajian terdiri daripada 73.2 peratus guru perempuan (366 orang) dan 26.8 peratus (134 orang) guru lelaki . Sebanyak 74.2 peratus guru adalah daripada sekolah menengah dan 25.8 peratus terdiri daripada sekolah rendah.

Profil tahap kecenderungan pendekatan pentaksiran guru

Profil tahap kecenderungan pendekatan pentaksiran guru dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif. Keputusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 3.0.

SENARIO 1 : Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan ada lakukan?

Keputusan analisis bagi senario 1 menunjukkan bahawa guru-guru lebih cenderung memilih pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran iaitu sebanyak 68.3 peratus (345 orang) berbanding pendekatan pentaksiran sebagai pembelajaran 24.8 peratus (125 orang) dan pendekatan tentang pembelajaran sebanyak 6.9 peratus (35 orang). Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru cenderung memilih pendekatan pentaksiran formatif dalam pentaksiran bilik darjah. Keadaan ini menepati cara pentaksiran yang sewajarnya dilaksanakan semasa PBD.

Jadual 3.0: Analisis Deskriptif Pendekatan Pentaksiran Bilik Darjah

Senario	Pendekatan Pentaksiran	Pilihan Respon	Bilangan	Peratus
SENARIO 1 : Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan ada lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Merekodkan gred ujian tersebut sebagai pentaksiran sumatif bagi unit tersebut tetapi menurunkan wajaran ujian tersebut dalam markah keseluruhan.	35	6.9
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semula tajuk tersebut	345	68.3
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Minta murid untuk membuat refleksi tentang persediaan untuk menduduki ujian, menganalisis jawapan ujian murid dan membuat pelan pembelajaran individu kepada murid tersebut. Kemudian, uji semula topik tersebut.	125	24.8
SENARIO 2 : Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan ada lakukan?	Pentaksiran tentang pembelajaran	Melaksanakan peraturan sekolah berkaitan plagiat atau peniruan	68	13.4
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Menunjukkan bahagian yang diplagiat kepada murid dan meminta mereka menulis semula dengan menggunakan perkataan sendiri. Sebagai guru, anda membuat refleksi tentang kaedah pengajaran yang anda perlu laksanakan pada masa hadapan.	259	51.1
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Anda bertanya murid tentang bagaimana dia memperolehi teks tersebut dan apakah yang murid tersebut akan lakukan agar tidak mengulangi kejadian itu. Minta murid menulis perancangan mereka untuk membuat semula tugas tersebut.	180	35.5
SENARIO 3 : Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk	Pentaksiran tentang pembelajaran	Mulakan dengan pentaksiran sumatif di akhir pengajaran dan merancang secara backward untuk membina rancangan pengajaran.	62	12.2
	Pentaksiran untuk pembelajaran	Mereka bentuk pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gunakan maklumat daripada pentaksiran ini untuk merekabentuk aktiviti pengajaran dan tugas pentaksiran sumatif.	338	66.5

perancangan anda?	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Mengkaji semula standard prestasi dalam dokumen kurikulum dan meminta setiap pelajar untuk membina pengalaman pembelajaran dan pentaksiran mereka bagi topik tersebut secara individu.	108	21.3
SENARIO 4 : Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun.	Pentaksiran tentang pembelajaran	Ujian setara penting bagi mengukur sejauh mana sistem persekolahan berkesan bagi semua murid dan keputusan tersebut membolehkan pihak sekolah menentukan penambahbaikan yang perlu diberi kepada kelas tersebut.	104	20.5
Apakah yang akan beritahu kepada waris tersebut?	Pentaksiran untuk pembelajaran	Ujian setara dapat memberi maklum balas tentang pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran dan dapat membimbing pengajaran dan pembelajaran	165	32.5
	Pentaksiran sebagai pembelajaran	Ujian setara dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan strategi pembelajaran, kemahiran persediaan untuk menghadapi ujian dan matlamat pembelajaran mereka.	238	46.9

SENARIO 2 : Anda mendapati seorang murid anda melakukan plagiat atau meniru semasa melaksanakan tugas (contohnya karangan). Apakah yang akan anda lakukan?
Hasil analisis senario 2 menunjukkan pola yang sama seperti senario 1. Guru-guru lebih cenderung memilih kaedah pentaksiran untuk pembelajaran (51.1%) berbanding pentaksiran sebagai pembelajaran (35.5%) dan pentaksiran tentang pembelajaran (13.4%).

SENARIO 3 : Anda sedang membuat rancangan pengajaran harian bagi satu topik. Bagaimana pentaksiran membentuk perancangan anda?
Dapatan analisis senario 3 mencatatkan peratus tertinggi iaitu sebanyak 66.5 peratus guru-guru memilih kaedah pentaksiran untuk pembelajaran berbanding dua pendekatan lain.

SENARIO 4 : Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang akan beritahu kepada waris tersebut?
Keputusan analisis deskriptif bagi senario 4 menunjukkan pola yang berbeza berbanding senario 1 hingga 3. Peratus tertinggi dicatatkan pada pendekatan pentaksiran sebagai pembelajaran iaitu 46.9 peratus, diikuti oleh pentaksiran untuk pembelajaran sebanyak 32.5 peratus dan 20.5 peratus guru memilih pendekatan pentaksiran tentang pembelajaran. Taburan pemilihan ketiga-tiga pendekatan agak tersebar dan jurang antara satu pendekatan dengan yang lain adalah kecil berbanding senario 1 hingga 3.

Rumusan keputusan analisis keseluruhan menunjukkan bahawa pentaksiran untuk pembelajaran berada di tahap yang paling tinggi bagi senario 1,2 dan 3. Manakala pendekatan pentaksiran sebagai pembelajaran berada pada tahap tertinggi bagi senario 4. Pentaksiran sebagai pembelajaran berada pada tahap kedua tertinggi berbanding pentaksiran sebagai pembelajaran. Pemilihan pendekatan guru-guru adalah menepati akauntabiliti mereka dan keperluan sebenar PBD.

6.0 PENUTUP

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa walaupun konsep, prinsip dan fakta yang sama tentang PBD diberikan kepada guru-guru tetapi hasil analisis membuktikan bahawa:

1. Profil penilaian adalah kompleks dan sangat berbeza dalam kalangan guru
2. Tindak balas dan perspektif adalah berbeza dalam menangani situasi pembelajaran
3. Perspektif yang berbeza adalah cabaran untuk mewujudkan keseragaman kefahaman tentang pendekatan pentaksiran bilik darjah.

Pembuktian yang ketiga adalah selari dengan hasil kajian Bennet (2011) dan DeLuca dan Klinger (2010). Kedua-dua kajian mendapati bahawa guru-guru menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan pendekatan pentaksiran. Rumusan dapatan ini menggambarkan tentang tahap literasi guru terhadap pendekatan PBD. Pemilihan pendekatan pentaksiran oleh guru-guru adalah berbentuk pentaksiran formatif yang lebih menekankan kepada pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai literasi pentaksiran yang baik dan memenuhi matlamat pelaksanaan PBD seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Keputusan analisis setiap senario telah menolak dapatan kajian oleh Isaacson (1999) dan Abu Bakar Nordin (1986) yang menyatakan bahawa guru tidak memperbaiki kelemahan pengajaran dan meletakkan kesalahan di bahu pelajar semata-mata apabila keputusan peperiksaan tidak memuaskan. Perubahan kaedah pentaksiran melalui tranformasi pendidikan telah membentuk karektor guru sebagai seorang yang kompeten dan bijak dalam mengambil tindakan.

Hal ini dapat dilihat pada SENARIO 1 : Anda menyediakan set ujian yang berbeza mengikut tahap pencapaian murid. Walau bagaimanapun, 16 daripada 35 murid gagal dalam ujian tersebut. Apakah yang akan ada lakukan? Majoriti guru memilih pendekatan pentaksiran untuk pembelajaran (68.3%) iaitu “Berdasarkan analisis anda terhadap ujian tersebut, anda akan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh murid, beri peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka, dan menguji semula tajuk tersebut”. Pemilihan jawapan ini menunjukkan bahawa guru bersedia untuk memperbaiki pengajaran mereka dengan mengajar semula tajuk yang sukar dikuasai oleh pelajar. Pemilihan pendekatan pentaksiran sebagai pembelajaran sebanyak 24.8 peratus juga membuktikan bahawa guru-guru tidak menyalahkan pelajar semata-mata malah meminta mereka membuat refleksi tentang persediaan mereka dan ujian akan diulang semula. Murid yang lemah tidak diketepikan oleh guru tetapi diberi peluang kedua. Perkara ini menunjukkan keberkesanan konsep PBD yang diterapkan dalam amalan guru-guru di sekolah.

Pemilihan pendekatan oleh kebanyakan guru dalam SENARIO 4 : Waris beberapa orang murid amat bimbang tentang peperiksaan akhir tahun. Apakah yang akan beritahu kepada waris tersebut? iaitu “Ujian setara dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan strategi pembelajaran, kemahiran persediaan untuk menghadapi ujian dan matlamat pembelajaran mereka.” selari dengan konsep kompetensi pentaksiran oleh Rohaya Talib dan Mohd Najib Ghafar (2008). Kompetensi pentaksiran membantu guru membuat keputusan yang tepat dan adil mengenai pelajar, kurikulum dan program pendidikan keseluruhannya.

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan Sh. Siti Hauzimah Wan Omar (2019) yang mendapati tahap kesediaan guru-guru Bahasa Melayu dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah pada tahap yang tinggi. Pemilihan jawapan utama dalam menangani masalah dalam setiap senario menunjukkan bahawa mereka juga mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap pada tahap yang tinggi.

Penggunaan instrumen ACAI adalah sangat berguna untuk menyemak literasi pentaksiran guru dalam PBD. Penggunaan instrumen ini boleh disebar luas untuk tujuan

penyelarasan dan pemantauan PBD sama ada di peringkat daerah atau negeri. Tiga daerah yang dipilih dalam negeri Kedah telah memberi gambaran bahawa kefahaman tentang konsep PBD adalah baik dan jelas. Namun begitu sokongan secara berterusan adalah perlu supaya pengetahuan dan amalan PBD dapat diperkukuhkan dalam kalangan guru.

7.0 RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin. (1986). *Asas penilaian pendidikan*. Petaling Jaya: Longman.
- Airasian, P. W. (2000). *Assessment in the Classroom : A Concise Approach. (2nd Ed.)*. Boston : McGraw Hill.
- Bachor, D. G., & Baer, M. R. (2001). An examination of preservice teachers' simulated classroom assessment practices. *Alberta Journal of Educational Research*, 47(3), 244.
- Bennett, R. E. (2011). Formative assessment: A critical review. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 18(1), 5–25. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2010.513678>.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 5(1), 7–74. <https://doi.org/10.1080/0969595980050102>.
- Black, P., & Wiliam, D. (2006). Developing a theory of formative assessment. In J. Gardner (Ed.), *Assessment and Learning* (pp. 81–100). Los Angeles, CA: Sage.
- Brookhart, S. (2011). Educational assessment knowledge and skills for teachers. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 30, 3–12.
- Brookhart, S. M. (1999). *The Art and Science of Classroom Assessment : The Missing Part of Pedagogy*. Washington DC ERIC Clearinghouse on Higher Education and Office of Educational Research and Improvement.
- Brookhart, S. M. (2001). The Standard and Classroom Assessment Research. *Paper presented at the Annual Meeting of the American Association of Colleges for Teacher Education, Dallas, TX*. (ERIC Document Reproduction Service No. ED451189).
- Chappuis, S & Chappuis J. (2008). The best value in formative assessment. *Educational Leadership*, 65 (4): 14-19
- Chen Jiamu (2001). The Great Importance of the Distinction Between Declarative and Procedural Knowledge. *Analise Psicologica*. 4(21), 559-566.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. 3rd Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- DeLuca, C., & Klinger, D. A. (2010). Assessment literacy development: Identifying gaps in teacher candidates' learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 17(4), 419–438. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2010.516643>
- DeLuca, C., LaPointe-McEwan, D., & Luhanga, U. (2016). Teacher assessment literacy: A review of international standards and measures. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 28, 251–272.
- DeLuca, C., LaPointe-McEwan, D., & Luhanga, U. (2016b). Approaches to classroom assessment inventory: A new instrument to support teacher assessment literacy. *Educational Assessment*, 21(4), 248–266. <https://doi.org/10.1080/10627197.2016.1236677>.
- Gallagher, J. D. (1998). *Classroom Assessment for Teachers*. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Lortie, D. C. (1975). *Schoolteacher*. Chicago, IL: Chicago University Press.
- Pajares, M.F. (1992). Teachers' Beliefs and Stiggins, R.J. (2001). The Unfulfilled Promise of Classroom Assessment. *Educational Measurement : Issues and Practice*, 20(3), 5-15.

- Stiggins, R. J. (1991). Relevant Classroom Assessment Training for Teachers. *Educational Measurement : Issues and Practice*, 10(1), 7-12. Educational Research : Cleaning Up a Messy Construct. *Review of Educational Research*, 62, 307-
- DeLuca, C., LaPointe-McEwan, D., & Luhanga, U. (2016a). Teacher assessment literacy: A review of international standards and measures. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 28(3), 251–272. <https://doi.org/10.1007/s11092-015-9233-6>.
- Gronlund, N. E. dan Linn, R.L. (1990). *Measurement and Evaluation in Teaching (6th ed.)*. Upper Saddle River, NJ : Merrill-Prentice Hall.
- Herman, J.L., dan Golan, S. (1993). The Effects of Standardized Testing on Teaching and Schools. *Educational Measurement : Issues and Practice*, 12(4), 20-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- McKenna, B. (1977). What’s Wrong with Standardized Testing? *Today’s Education*, 36.
- Looney, A., Cumming, J., van Der Kleij, F., & Harris, K. (2017). Reconceptualising the role of teachers as assessors: Teacher assessment identity. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 1–26. <https://doi.org/10.1080/0969594x.2016.1268090>
- Popham, W. J. (2013). *Classroom assessment: What teachers need to know (7th ed.)*. Boston, MA: Pearson.
- Rohaya Talib dan Mohd Najib Abd Ghafar. (2008). Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah Di Malaysia. *Kertas Kerja Dalam: Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008, 25–27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Willis, J., Adie, L., & Klenowski, V. (2013). Conceptualising teachers’ assessment literacies in an era of curriculum and assessment reform. *The Australian Educational Researcher*, 40, 241–256.